

KILIM GEFOREST PARK

**ralat &
rawat**

 Bersama
DR. AHMAD ISMAIL


Aset Langkawi tarikan pelancong

LANGKAWI merupakan antara destinasi pelancongan dunia yang terkenal sebagai pulau yang mempunyai kecantikan kehijauan dan pantai yang bersih serta keunikan tersendiri dari segi alam semula jadinya. Kepulauan Langkawi yang terdiri daripada 104 pulau ini mempunyai keluasan 47,848 hektar (ha) dengan puncak tertinggi Gunung Raya 881 meter.

Tambahan lagi, apabila Langkawi telah diisytiharkan sebagai Global Geopark (Taman Geo Sedunia) pertama di Malaysia dan Asia Tenggara oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) pada 1 Jun 2007 dan menjadi ahli ke-52 dalam Jaringan Antarabangsa Taman Geo (GGN).

Pengiktirafan ini sangat penting dalam peta dunia iaitu Langkawi adalah antara 120 Global Geopark UNESCO lain daripada 33 buah negara di dunia yang bernaung di bawah agensi PBB itu pada 17 November 2015.

Taman geo berkeluasan 478 kilometer (km) persegi itu adalah suatu kawasan yang terdapat tapak warisan geologi yang boleh digunakan oleh semua pihak bagi tujuan pemuliharaan, pendidikan dan pembangunan secara lestari. Taman geo mempunyai unsur-unsur ekologi, arkeologi, sejarah dan budaya

yang sememangnya tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan sesebuah masyarakat.

Hubungan antara kehidupan, kepelbagaiannya geologi dan biologi serta budaya, merupakan komponen penting bagi setiap taman geo.

Formasi batuan di Langkawi yang unik telah menarik minat ahli geologi bagi memahami sejarah batuan misalnya granit Gunung Raya yang berusia 220 juta tahun. Formasi Gunung Machinchang adalah yang pertama di Asia Tenggara di zaman Kambria lebih daripada 500 juta tahun dahulu dan kawasan Telok Datai adalah antara yang tertua.

Baru-baru ini bermula daripada Julai lalu, syarikat penerbangan China Southern merancang untuk menambah laluan ke Malaysia memfokuskan Langkawi. Antara cadangan adalah penerbangan tiga kali seminggu Guangzhou-Langkawi. Bilangan pelancong dari China dijangka meningkat tiga kali ganda kepada 380,000 berbanding 127,689 pelancong China pada tahun lepas.

Peningkatan ini menunjukkan Langkawi semakin popular dalam kalangan rakyat China

dan melihat kepada populasi rakyat China, aliran semasa pelancongan China dan hubungan baik Malaysia-China sekarang, lambakan pelancong China dijangka terus meningkat.

Pihak pengurusan Langkawi mestilah memikirkan sesuatu bagi menangani kebanjiran pelancong dari negara China dan negara-negara lainnya ke Langkawi dengan mengambil kira kelestarian sumber semula jadi dan kemampuan menampung ramai pelancong.

Langkawi sudah mempunyai sejarah dari segi ahli pelayaran China sejak abad ke-14, ketibaan orang Aceh dengan tanaman lada Perancis pada abad ke-17 dan ditakluk Siam pada abad ke-19.

Langkawi sudah terkenal daripada sejarahnya sebagai tempat persinggahan ahli pelayaran dan perniagaan rempah dan yang lebih popular dalam kalangan rakyat tempatan ialah sejarah Mahsuri pada abad ke-19.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), salah satu daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang berpotensi menjadi pemacu ekonomi yang signifikan adalah sektor pelancongan. Pada

tahun 2010, sektor ini menjana pendapatan sebanyak RM56.5 bilion dengan kedatangan pelancong seramai 24.6 juta.

Daripada jumlah ini, RM1.8 bilion disumbangkan oleh dua juta pelancong dari dalam dan luar negara yang telah mengunjungi pulau peranginan yang terkenal dan bersejarah itu.

Aktiviti pelancongan yang berfokus seperti Pulau Langkawi memerlukan penyelenggaraan kawasan pelancongan sedia ada dengan baik jika kita ingin menyasarkan Malaysia sebagai antara 10 negara teratas dari segi pendapatan pelancongan global seterusnya menyumbang RM104 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2020.

Dengan beberapa pengiktirafan antarabangsa diberikan kepada Langkawi sebagai satu daripada 10 pantai terindah di dunia oleh *National Geographic* pada tahun 2011; dan pengisytiharan Langkawi sebagai Langkawi Geopark oleh UNESCO pada 2007 telah mengukuhkan kredibilitinya pada peringkat antarabangsa.

Kebanjiran pelancong yang terlalu ramai ke Langkawi mungkin boleh menjelaskan

mengambil masa dua tahun atau lebih dalam membuat perbincangan, penelitian, kajian keberkesanan projek dan kesan kepada alam sekitar, birokrasi dan membuat keputusan, pembinaan kilang dan sebagainya.

Dalam masa dua atau tiga tahun, Langkawi akan mendapat tekanan penambahan sisa pepejal yang tinggi dan boleh menjelaskan reputasi Langkawi sekiranya tidak diuruskan dengan betul.

Kisah kesan pencemaran daripada tapak pelupusan sampah di Kampung Belanga Pecah Ogos tahun lalu ke atas kawasan utama tarikan pelancong di Kilim telah dibincangkan dalam media.

Berbagai-bagi pandangan diberikan oleh pelbagai pihak, pelancong, penduduk tempatan, pengusaha pelancongan dan pihak berkuasa termasuk Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Keadaan kawasan berdekatan tapak pelupusan sampah dilaporkan busuk dan boleh mengancam kesihatan manusia seperti jangkitan bakteria *E. coli* dan *Salmonella* serta menyebabkan kulit gatal.

Tapak pelupusan sampah di Langkawi telah dilaporkan berada dalam keadaan yang tidak memuaskan dan merupakan sebuah lagi bom jangka kepada alam sekitar dan alam semula jadi yang bakal menjelaskan aktiviti pelancongan Langkawi dan kesihatan penduduk tempatan.

